



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemberitahu adalah dipelawa dari Rakyat Negeri Johor / Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi **jawatan kontrak** di Majlis Daerah Tangkak, Johor.

1. **JAWATAN** : **PEMBANTU PENGUATKUASA**
2. **KLASIFIKASI** : **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
3. **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
4. **KUASA TEMPATAN** : **MAJLIS DAERAH TANGKAK**
5. **GRED GAJI / JADUAL GAJI: MINIMUM-MAKSIMUM** : **KP19  
RM1360.00 – RM4052.00**
6. **SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau  
(ii) Bekas anggota Polis atau Tenterayang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur , membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80);

dan(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:-

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita
- (iii) mempunyai ukuran indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
- (v) lulus dalam ujian Penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vi) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar

7. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** 2.. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

8. **PENAKLUKAN DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan Perjawatan Kontrak berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

9. **KEKOSONGAN/TARAF JAWATAN : SATU ( 1 ) / KONTRAK**

10. **PERMOHONAN:**

(a) Semua permohonan hendaklah menggunakan **Borang Jawatan Kosong Majlis Daerah Tangkak** dengan bayaran RM1.00 setiap borang permohonan dan juga boleh didapati melalui laman web [www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my) atau datang sendiri ke Pejabat Besar, Majlis Daerah Tangkak ( Bahagian Sumber Manusia ) pada waktu pejabat (8.00 pagi – 5.00 petang) atau dengan mengirim sampul surat berukuran 10cm x 32cm ( 4x9 inci) berselem 0.50 sen beralamat sendiri dengan mencatat **“PERMOHONAN BORANG”** dan **“NAMA JAWATAN”** disudut sebelah atas kiri sampul surat.

(b) Semua permohonan hendaklah disertakan:-

- i) **Salinan sah Sijil-Sijil Persekolahan**
- ii) **Salinan sah Kad Pengenalan**
- iii) **Salinan sah Sijil Lahir**
- iv) **Sijil Berhenti Sekolah**
- v) **Salinan sah Lesen Memandu**
- v) **Gambar warna berukuran pasport**
- vi) **Surat/dokumen-dokumen berkaitan jika ada,**  
serta dialamatkan kepada;

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
84900, TANGKAK, JOHOR.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 SEPTEMBER 2016 ( KHAMIS )**

(c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Kuasa-Kuasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A , Bil. 17 Tahun 2005 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan).

- (d) Hanya calon yang ditapis untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

**11. Permohonan Yang Berikut Akan Ditolak:**

- i. Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap dan tidak ditandatangani
- ii. Tidak disertakan dokumen yang lengkap
- iii. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan jika kakitangan kerajaan
- iv. Salinan sijil dan dokumen yang tidak disahkan
- v. Diterima selepas tarikh tutup iklan
- vi. Tidak memenuhi / tidak menepati syarat-syarat kelayakan jawatan yang diiklankan
- vii. Tidak menyertakan gambar warna

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
TANGKAK  
Tarikh: 30.8.2016**

*MMW/NIM/Zubz.. (K)/9.2016*



No. Ruj.Fail : MDT 1/9/43 JLD.IV (52)

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemberitahu adalah dipelawa dari Rakyat Negeri Johor / Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan tetap **Penolong Jurutera Gred JA29** di Majlis Daerah Tangkak, Johor.

1. **KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN**
2. **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA  
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
3. **TARAF JAWATAN** : **TETAP**
4. **GRED GAJI** : **JA29**
5. **JADUAL GAJI** : **MINIMUM – MAKSIMUM  
RM1549.00 – RM5701.00**
6. **SYARAT LANTIKAN**
  - i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) Warganegara Malaysia;
    - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan: RM1549.00) dan
    - (d) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau

kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan: RM1935.02)

-2-

**7. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian( **sekurang-kurangnya Gred C** )dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

**8. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- i. mempunyai kelayakan seperti di perenggan 6di atas; atau
- ii. lulus Peperiksaan Khas; dan

**iii. had umur pelantikan:**

- (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 58 tahun; atau
- (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

**9. DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik, automatif iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyelia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

**10. KEKOSONGAN JAWATAN : SATU ( 1 ) KEKOSONGAN  
DI BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA  
JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA**

**11. CARA-CARA MEMOHON:**

- (a) Semua permohonan hendaklah menggunakan **Borang Jawatan Kosong Majlis Daerah Tangkak** dengan bayaran RM1.00 setiap borang permohonan yang boleh didapati melalui laman web [www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my) atau datang sendiri ke Pejabat Besar, Majlis Daerah Tangkak ( Bahagian Sumber

Manusia ) pada waktu pejabat (8.00 pagi - 5.00 petang) atau dengan mengirimi sampul surat berukuran 10cm X 32cm ( 4x9 inci) berselem 0.50 sen beralamat sendiri dengan mencatat “**PERMOHONAN BORANG**” dan “**NAMA JAWATAN**” disudut sebelah atas kiri sampul surat.

- 3 -

(b) Semua permohonan hendaklah disertakan:-

- i) **Salinan sah Sijil-Sijil Persekolahan**
- ii) **Salinan sah Kad Pengenalan**
- iii) **Salinan sah Sijil Lahir**
- iv) **Sijil Berhenti Sekolah**
- v) **Salinan sah Lesen Memandu**
- v) **Gambar warna berukuran pasport**
- vi) **Surat/dokumen-dokumen berkaitan jika ada, serta dialamatkan kepada;**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
84900, TANGKAK, JOHOR.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 SEPTEMBER 2016 ( KHAMIS )**

- (c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Kuasa-Kuasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A , Bil. 17 Tahun 2005.
- (d) Hanya calon yang ditapis untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (e) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

**12. Permohonan Yang Berikut Akan Ditolak:**

- i. Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap dan tidak ditandatangani
- ii. Tidak disertakan dokumen yang lengkap
- iii. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan jika kakitangan kerajaan
- iv. Salinan sijil dan dokumen yang tidak disahkan
- v. Diterima selepas tarikh tutup iklan
- vii. Tidak memenuhi / tidak menepati syarat-syarat kelayakan jawatan yang diiklankan
- vii. Tidak menyertakan gambar warna

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
TANGKAK  
Tarikh: 30.8.2016  
MFHJ/zubz/9.16**



No. Ruj.Fail : MDT 1/9/43 JLD.IV (53)

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemberitahu adalah dipelawa dari Rakyat Negeri Johor / Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan tetap **Penolong Pegawai Tadbir Gred N29** di Majlis Daerah Tangkak, Johor.

1. **KLASIFIKASI** : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
2. **KUMPULAN PERKHIDMATAN:** **PELAKSANA**
3. **TARAF JAWATAN** : **TETAP**
4. **GRED GAJI** : **N29**
5. **JADUAL GAJI** : **MINIMUM – MAKSIMUM  
RM1493.00 – RM5672.00**
6. **SYARAT LANTIKAN** i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (c) Warganegara Malaysia;
  - (d) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan atau kelayakan yang diiktirafsetaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji permulaan:RM1493.00); atau  
(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan  
(Gaji permulaan:RM1493.00); atau  
(iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan



**7. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian( **sekurang-kurangnya Gred C** )dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

**8. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkanoleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

v. mempunyai kelayakan seperti di perenggan 6 [c]di atas; atau

vi. lulus Peperiksaan Khas; dan

vii. **had umur pelantikan:**

(d) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(e) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 58 tahun; atau

(f) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

**9. DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan penguatkuasaan undang-undang.

**10. KEKOSONGAN JAWATAN : SATU ( 1 ) KEKOSONGAN  
DI BAHAGIAN PENTADBIRAN  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

**11. CARA-CARA MEMOHON:**

(a) Semua permohonan hendaklah menggunakan **Borang Jawatan Kosong Majlis Daerah Tangkak** dengan bayaran RM1.00 setiap borang permohonan yang boleh didapati melalui laman web [www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my) atau datang sendiri ke Pejabat Besar, Majlis Daerah Tangkak ( Bahagian Sumber Manusia ) pada waktu pejabat (8.00 pagi - 5.00 petang) atau dengan mengirim sampul surat berukuran 10cm X 32cm ( 4x9 inci) bersetem 0.50 sen beralamat sendiri dengan mencatat "**PERMOHONAN BORANG**" dan "**NAMA JAWATAN**" disudut sebelah atas kiri sampul surat.

- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan:-
- i) **Salinan sah Sijil-Sijil Persekolahan**
  - ii) **Salinan sah Kad Pengenalan**
  - iii) **Salinan sah Sijil Lahir**
  - iv) **Sijil Berhenti Sekolah**
  - v) **Salinan sah Lesen Memandu**
  - v) **Gambar warna berukuran pasport**
  - vi) **Surat/dokumen-dokumen berkaitan jika ada, serta dialamatkan kepada;**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
84900, TANGKAK, JOHOR.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 SEPTEMBER 2016 ( KHAMIS )**

- (c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Kuasa-Kuasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A , Bil. 17 Tahun 2005.
- (d) Hanya calon yang ditapis untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (e) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

**12. Permohonan Yang Berikut Akan Ditolak:**

- i. Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap dan tidak ditandatangani
- ii. Tidak disertakan dokumen yang lengkap
- iii. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan jika kakitangan kerajaan
- viii. Salinan sijil dan dokumen yang tidak disahkan
- v. Diterima selepas tarikh tutup iklan
- viii. Tidak memenuhi / tidak menepati syarat-syarat kelayakan jawatan yang diiklankan
- vii. Tidak menyertakan gambar warna

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
TANGKAK  
Tarikh: 30.8.2016**